

Usaha berkesan menerusi kerjasama antarabangsa

# Azam politik perangi dadah

**VIENNA, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta negara-negara di dunia memberikan komitmen dan menunjukkan keazaman politik untuk bertindak bersama bagi membanteras masalah dadah.**

Perdana Menteri menegaskan, ini penting kerana dadah sudah menjadi masalah sejagat yang hanya dapat dibanteras dengan adanya usaha berkesan menerusi kerjasama antarabangsa.

Dalam kenyataannya kepada persidangan antarabangsa mengenai dadah yang bermula di sini hari ini selepas dipilih sebagai presiden, beliau berkata keazaman politik dan komitmen semua negara penting bukan sahaja sebagai meningkatkan tanggungjawab mereka, tetapi juga sebagai 'Amaran Dunia' kepada pengedar dadah bahawa mereka akan menerima akibat buruk.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ini juga penting bagi menunjukkan kepada rakyat biasa bahawa kerajaan mereka kini bersetuju bertindak bersama bagi menentang masalah dadah.

Beliau tidak bersetuju dengan pendapat bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak

---

Daripada  
**AHMAT WAHAB**

---

mempunyai program bagi menentang dadah.

Menurutnya, banyak tindakan sudah diambil oleh badan dunia itu.

"Sebenarnya, apa yang kekurangan ialah komitmen dan keazaman politik di kalangan negara-negara untuk bertindak secara bersama bagi menentang wabak itu.

"Inilah yang menyebabkan masalah dadah merebak menjadi wabak di seluruh dunia," katanya.

## Sambutan

Menyebut anggaran tidak rasmi, Datuk Seri Dr Mahathir berkata perdagangan dadah di dunia bernilai kira-kira AS\$300 ribu juta (M\$720 ribu juta).

"Untuk menentang masalah ini, sistem dan sumber-sumber Bangsa-Bangsa Bersatu hanya mampu mewujudkan belanjawan berjumlah cuma beberapa juta dolar sahaja. Ini menunjukkan kurangnya sambutan kita untuk bertindak bersama menentang masalah ini," katanya.

Beliau berkata, masalah ini timbul disebabkan perbezaan dalam

pandangan negara-negara terhadap soal dadah. Ada negara di negara pengguna menganggap masalah dadah dan penagihan sama seperti masalah merokok dan minum arak.

Kepada beberapa negara lain pula, masalah ini amat berat kerana ia membabitkan soal penyusunan semula sosial dan menjadi masalah sensitif, kerana pengeluaran dadah ada kaitan dengan sejarah dan kebudayaan negara berkenaan.

Bagi negara yang menjadi tempat transit bagi pengedaran dadah, masalah yang dihadapi pula ialah bagaimana mencegah penagihan dan rawatan serta pemulihan penagih.

Di banyak negara Latin Amerika, Amerika Utara dan Asia Tenggara masalah dadah sudah menjadi masalah keselamatan yang menimbulkan kesan terhadap kedaulatan negara.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, melihat betapa rumitnya masalah dadah, tindakan membanterasnya hanya akan berkesan jika semua negara memberikan komitmen, bekerjasama dan mengekalkan usaha.

"Persidangan ini tidak akan berjaya jika kerjasama dan tindakan bersama yang dipersetujui tidak dilaksanakan.

"Usaha dunia membanteras wabak ini tidak akan berjaya jika negara-negara masih menentangnya secara pasif, selepas persidangan ini," tegasnya.